



قليتا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 32

RABU 8 OGOS, 1984.

رابو 1 ذوالقعدة 1404

PERCUMA

Makanan halal: TAHNIAH UNTUK PERTIWI

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha memberi setinggi tahniah dan penghargaan kepada Pertiwi Brunei atas inisiatif mengketengahkan jenis barang dan makanan halal hasil orang-orang tempatan.

Baginda berharap, supaya langkah seumpama ini dapat memberi ilham kepada wanita di negara ini pada menjadikannya sumber mata pencarian, demi meneguhkan lagi ekonomi keluarga.

Ke arah ini Baginda bertitah, "Beta berharap semoga usaha yang bermanfaat ini akan memberikan ilham kepada wanita-wanita, supaya usaha ini dapat diteruskan di masa akan datang, sebagai satu sumber mata pencarian wanita-wanita pada meneguhkan lagi ekonomi keluarga masing-masing."


Bertitah di upacara Perasmian Pameran Urusan Rumahtangga di Bilik Kuliah/ Pameran Stadium Negara Hassanah Bolkiah di

sini Jumaat lalu, Baginda seterusnya menjelaskan bahawa pameran tersebut adalah sebagai bukti kegigihan wanita di negara ini, yang tidak kendur-kendur melaksanakan usaha berkeba-jikan.

Pameran Urusan Rumahtangga anjuran Pertiwi Brunei dipelokkan lagi tahun ini dengan mempertun-jukkan berbagai jenis makanan tempatan bagi hidangan harian, seperti kuih-muih bagi sarapan pagi dan petang, di samping ber-bagai jenis masakan nasi, lauk-pauk dan gubahan bunga.

Yang Dipertua Pertiwi, Datin Hajjah Zahrah Haji Idris, yang juga selaku Pengerusi Pameran dalam sembah ucapannya berharap agar pameran dari jenis makanan tempatan itu dapat menggantikan makanan-makanan yang disyaki tidak halal, yang banyak terdapat di pasaran hari ini.

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Tuan Yang Terutama Menteri Kesihatan Awam Thailand, Tuan Marut Bunnag di Istana Nurul Iman.

Menteri Kesihatan Awam Thai mengadap Kebawah DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Marut Bunnag, Menteri Kesihatan Awam Thailand pada petang hari Rabu lepas di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama di-iringi oleh Menteri Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam, Yang Di-muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah juga telah berangkat ke istiadat itu.

Tuan Yang Terutama dan isteri beliau serta rombongan seramai lapan orang telah tiba di negara ini pada malam Rabu yang lalu. Ketibaannya dan rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa

Berakas, telah disambut dan dialu-alukan oleh Menteri Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz dan Datin serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Ketika berada di negara ini, Menteri Kesihatan Awam Thai dan rombongan telah mengadakan perbincangan dengan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan di samping berharap agar Brunei dapat menghantar rombongan Pegawai Kesihatan negara ini untuk meninjau aspek kesihatan yang dijalankan di sana.

Selain dari itu negeri Thai juga bersedia menerima

Lihat muka 20

LAPORAN HANYA RAMALAN

KERAJAAN telah menafikan Ksatu laporan yang disiarkan dalam Borneo Bulletin keluaran 14 Julai 1984 yang lalu yang memetik ramalan Bank Of Amerika kononnya Brunei mungkin akan memutuskan perhubungan kewangannya dengan Republik Singapura.

Laporan akhbar tersebut yang juga telah dipetik oleh beberapa buah akhbar luar negeri adalah semata-mata ramalan yang sama sekali tidak membayangkan polisi matawang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Naib Presiden — Pengurus Bank Of Amerika telah menuntut maaf kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana penyiaran laporan yang dibuat untuk kegunaan kalangan bank yang berkenaan (internal report) dan semata-mata merupakan andaian.

MANISNYA IMAN

"HAI orang-orang yang beriman! Patuhlah kepada Allah dan hendaklah kamu menyertai orang-orang yang benar." — Makna ayat 118, Surah At-Taubah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha diiringi oleh Pengerusi Persatuan Pertiwi, Datin Hajjah Zahrah ketika menyaksikan bahan pameran setelah perasmian pameran tersebut.

Lantikan Pmk. Pengarah BMR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berbangkit dari kematian mendiang Awang Ponniah Rajaratnam bekas Penasihat dan Pemangku Pengarah Biro Mencegah Rasuah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan sukacitanya telah melantik Pemangku Penasihat Khas di Biro tersebut, Awang Mohd Asmie bin Abdullah menjadi Pemangku Pengarah Biro Mencegah Rasuah mulai dari 30 Julai, 1984 buat sementara

sehingga adanya seorang pengganti tetap sebagai Pengarah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam juga dengan sukacitanya telah menitahkan supaya Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Mohd Daud ditugaskan sebagai Penasihat kepada Biro Mencegah Rasuah buat sementara waktu mulai dari 30 Julai, 1984.



8 OGOS 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

SOKONGAN DAN PENGIKTIRAFAN KEPADA PLO

Kunjungan singkat pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin Tuan Yasser Arafat baru-baru ini tidak sepatutnya memeranjatkan. Negara kita menyambut dan menerima Tuan Yang Terutama itu sebagai menegaskan lagi sokongan yang pernah disuarakan terhadap perjuangan rakyat Palestin beberapa ketika sebelum kita mencapai semula kemerdekaan.

Di segi perhubungan luar negeri, kita telah menganggotai Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC). Keanggotaan kita dalam pertubuhan itu adalah dengan sendirinya satu commitment dalam memberi sokongan kepada perjuangan dan matlamat Pertubuhan Pembebasan Palestin. Kerana itu seperti yang ditegaskan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri kita iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikiah kepada Tuan Yasser Arafat bahawa Negara Brunei Darussalam akan sentiasa memberi sokongan kepada perjuangan dan matlamat kepimpinan PLO. Dan sokongan kita itu disertai dengan doa ke hadirat Allah s.w.t. yang menandakan betapa mendalamnya perasaan kita terhadap perjuangan suci rakyat Palestin, yang


mana semoga dengan keteguhan hati mereka sendiri di bawah pimpinan PLO, hak mutlak mereka dapat dipelihara dan diberi pertimbangan sejajar dengan resolusi-resolusi Bangsa-bangsa Bersatu.

Kita sebenarnya sependapat dengan pemikiran umum antarabangsa bahawa ketegangan politik dan Timur Tengah mempunyai hubungan rapat dengan isu Palestin. Atas dasar itulah kita turut menyarankan supaya isu Palestin dapat diselesaikan segera demi keamanan di rantau itu khususnya dan dunia umumnya.

Kita melihat perjuangan rakyat Palestin sebagai suatu perjuangan yang adil. Pertubuhan Pembebasan Palestin yang menyatupadukan pergerakan perjuangan mereka bukanlah suatu gerombolan penganas tetapi adalah pejuang-pejuang untuk mengembalikan hak mutlak mereka sebagai suatu bangsa. Dan kita melihat penindasan ke atas mereka oleh Yahudi adalah suatu kekejaman yang bukan sahaja telah banyak dikesali bahkan telah juga dikutuk oleh pendapat umum sedunia. Dalam hubungan ini maka perjuangan rakyat Palestin bukanlah

semata-mata suatu perjuangan umat Islam tetapi ia telah menjadi perjuangan suatu bangsa bagi mengembalikan hak mutlak mereka yang kebetulan bangsa Palestin itu majoritinya beragama Islam dan kawasan-kawasan yang ditawan dan diduduki oleh Israel pula kebetulannya kawasan-kawasan Islam termasuklah yang terpenting sekali tempat suci bagi umat Islam ialah Masjid Al-Aqsa di Baitulmaqdis.

Seungguhnya kita menerima dan menyambut kunjungan Tuan Yasser Arafat itu selaku seorang Pemimpin Tertinggi kepada Pertubuhan Pembebasan Palestin yang diiktiraf selaku wakil mutlak rakyat Palestin dan sama-sama menjadi anggota kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang kita juga menganggotainya. Ini dengan sendirinya menjelaskan pengiktirafan kita kepada Pertubuhan Pembebasan Palestin dan pemimpinnya itu yang mana dengan berbuat sedemikian kita sebenarnya telah membuktikan commitment kita kepada aspirasi dan matlamat Pertubuhan Negara-negara Islam yang menerima kita menjadi anggotanya sejourus selepas kita mencapai semula kemerdekaan tidak lama dahulu.



BEGINILAH bentuk senjata pemusnah 'rapier' dari bumi ke udara yang begitu menarik perhatian Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan. (atas)

SEMPENA merasmikan bangunan baru Skuadron Kereta-Kereta Perisai Peninjau Kebawah Duli Yang Teramat Mulia berkenan menurunkan tandatangan di buku lawatan (kanan).

KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika diberi penerangan mengenai dengan alat senjata pemusnah termoden 'rapier' oleh Letenan Basri bin Mahmud (bawah).

Sekitar keberangkatan Paduka Seri Begawan ke Skuadron Kereta Perisai Peninjau

TUTONG. — Sejak memegang teraju pertahanan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien begitu mengambil berat dan memberi penuh perhatian tentang pertahanan negara ini lebih-lebih lagi setelah Brunei mengambil alih semula tanggungjawab di dunia antarabangsa.

Pemerhatian yang tajam

dan terperinci jelas dilihat dari keupayaan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia sejak memegang jawatan selaku Menteri Pertahanan tujuh bulan yang lalu di mana perhatian Kebawah Duli Yang Teramat Mulia tertumpu di bidang pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang merupakan induk keutuhan hal-ehwal luar negeri bumi Brunei Darussalam.

Selaku Turus Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja

Brunei, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sering mengadakan lawatan ke beberapa bahagian cawangan dan Unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Bulan lepas Kebawah Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan berangkat bagi merasmikan markas utama Skuadron Kereta-Kereta Perisai Peninjau di Penanjong Garison Daerah Tutong. Skuadron tersebut yang mempunyai 16 buah kereta perisai scorpion merupakan pasukan pengempur di darat selain daripada Cawangan Udara ABDB.

Dalam lawatan yang singkat itu, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia juga berkesempatan meninjau secara dekat Unit Bateri Pertahanan Udara yang mempunyai senjata termoden 'rapier' dari bumi ke udara serta radar pengesanan yang sesuai digunakan dalam pelbagai keadaan cuaca. Senjata tersebut dapat mengesan sasaran dalam lingkungan 7.4 batu dan berkeupayaan memusnahkan serangan musuh dalam jangka 4.3 batu dengan ketinggian 10,000 batu di udara. Manakala kelajuan 'messile' ketika dilancarkan ialah 1,500 batu sejam dan tepat mengenai sasarannya dalam jangka masa 10 ataupun 15 saat.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan memerhatikan dengan penuh minat dua orang anggota kereta perisai sasarannya dalam jangka masa 10 ataupun 15 saat.



Keamanan akan wujud melalui kerjasama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Tuan Bhichai Rattakul, Timbalan Perdana Menteri Thailand menyatakan, melalui peningkatan perhubungan kerjasama yang sedia terjalin di kalangan Negara-Negara ASEAN, Thailand berpendapat keamanan akan dapat diwujudkan di rantau ini.

Untuk mencapai matlamat itu jelas Tuan Yang Terutama, Negeri Thai sentiasa memberikan kerjasama baik di bidang politik, ekonomi, serta sosial dan kebudayaan demi perpaduan ASEAN.

Timbalan Perdana Menteri Thailand berucap demikian di Majlis Makan Malam bertempat di Dewan Persantapan Istana Edinburgh pada malam Ahad (28 Julai '84) seterusnya menjelaskan bahawa ASEAN yang bergerak sebagai pengembang ekonomi dan sosial di rantau ini mempunyai pertahanan politik bersama ke atas apa jua ancaman-ancaman dari kuasa-kuasa luar yang ingin meluaskan wilayahnya.

Negara-negara ASEAN, tegas Tuan Yang Terutama, akan bekerjasama di antara satu dengan lain bagi menghalang kuasa-kuasa besar dalam campurtangan di Asia Tenggara yang boleh membahayakan rantau ini.

Tuan Yang Terutama selanjutnya berkata, melalui kunjungannya ini hubungan kerjasama ekonomi kedua buah negara akan lebih erat lagi, di mana berbagai bidang projek kerjasama dua hala akan diperluaskan seperti pertanian, perindustrian, perombongan, perikanan dan lainnya yang mana kedua-dua Kerajaan mengambil perhatian yang serius ke atas projek-projek tersebut.

Kerajaan Thai jelas Tuan Yang Terutama lagi akan terus berusaha sedaya upaya melaksanakan projek-projek tersebut di mana nantinya akan memberikan ruang terbuka yang akan menguntungkan rakyat kedua buah negara.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang Terutama Tuan Bhichai Rattakul mensifatkan kunjungannya dan rombongan ke negara ini amat berfaedah kerana dapat berpeluang mengadakan beberapa perbincangan-perbincangan dan perjumpaan bersama Menteri-Menteri Kabinet mengenai hal-hal hubungan dua hala selain daripada meningkatkan perhubungan di kalangan pemimpin-pemimpin kedua negara.

Tuan Yang Terutama Tuan Bhichai Rattakul dan

isterinya mengadakan lawatan rasmi selama tiga hari ke negara ini. Beliau dan rombongan pulang pada hari Ahad 29 Julai.

Sebelum ini Timbalan Perdana Menteri Thai dan Menteri Hal-Ehwal Luar negerinya juga telah mengadakan kunjungan ke negara ini pada tahun lepas dan semasa Hari Kebangsaan Februari lalu.



TUAN Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri Thailand, Bhichai Rattakul diperkenalkan kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien sejurus sebelum Tuan Yang Terutama itu mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Bagi meraikan Tuan Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri Thailand dan Isteri, satu majlis jamuan makan malam telah diadakan di Istana Edinburgh.

Gambar-gambar bawah kelihatan DYT M Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih melafazkan sabda dan Tuan Yang Terutama membalas ucapan di majlis tersebut.

Sekitar lawatan TYT Timbalan P.M. Thailand ke Brunei Darussalam



TUAN Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri Thailand itu juga mengadakan kunjungan hormat kepada DYT M Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (atas). Tuan Yang Terutama dan Isteri juga mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan (gambar bawah) sementara gambar bawah kanan pula menunjukkan DYT M Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir mengucapkan selamat belayar kepada Tuan Yang Terutama dan Isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS Siri ke-238

MELIHAT AURAT PEREMPUAN UNTUK RAWATAN

6) PANDANGAN laki-laki yang asing kepada perempuan asing.

1) Kerana hajat dan tujuan menjadi saksi ke atas perempuan asing itu, maka saksi laki-laki itu boleh dan harus ia melihat kemaluan perempuan asing itu ketika ia naik saksi perempuan itu berzina atau ketika naik saksi ketika perempuan itu bersalin, dan kiranya laki-laki asing itu memandang kemaluan perempuan dengan sengaja dengan tiada tujuan menjadi saksi, maka laki-laki asing telah fasik jika taat-taatnya tiada lebih dari dosa-dosanya, dan tiadalah sah pada syarak ia menjadi saksi dalam perkara-perkara yang mesti ada saksi.

2) Pandangan laki-laki asing kerana tujuan dan hajat muamalah dengan perempuan asing sama ada pada jual-beli, pada sewa-menyewa, pinjam-meminjam dan lain-lain perkara muamalah macam muamalah yang telah disebutkan itu maka harus laki-laki asing melihat muka

sahaja daripada perempuan itu ketika tujuan muamalah itu tiada anggota lain.

7) Pandangan laki-laki asing akan perempuan asing kerana tujuan mengajar adalah harus sama ada pelajaran itu wajib seperti perkara Fardhu Ain atau Fardhu Kifayah seperti menjahit atau perkara itu sunat seperti bersedekah dan sembahyang sunat Zuhur.

Adapun Al-Imam As-Subki ketika ia membahaskan perkataan Al-Imam Nawawi yang berkata: Harus melihat perempuan asing ketika mengajar perempuan asing itu dan Al-Imam As-Subki berkata: Hanya nyata dari perkataan Al-Imam Nawawi itu harus melihat perempuan itu pada mengajar perkara yang wajib dibelajarkan dan yang wajib diajarkan seperti Fatimah dan seperti pertukangan yang dihajatkan dan mesti diajarkan kepada perempuan itu (seperti menjahit) dengan syarat tiada di sana perempuan yang layak mengajar dan dengan syarat

(Sambungan)

dari belakang tabir. Adapun lain-lain perkara yang tiada wajib dibelajarkan dan diajarkan maka difahamkan dari perkataan ulama-ulama adalah ditegah melihat perempuan ketika belajar dan mengajar perkara yang tiada wajib itu.

8) Peringatan: Apabila kita menyebut perkataan 'WAJIB' dan perkataan 'HARUS' maka kita kehendakkan erti pada syarak bukan pada cakapan orang sekarang.

Erti 'WAJIB' pada syarak iaitu sesuatu perkara itu mesti dibuat, kiranya dibuat dapat pahala dan kiranya tiada dibuat dapat neraka seperti sembahyang Fardhu, bersifat ikhlas, tawaduk, baik sangka pada orang Islam dan sebagainya.

Erti 'HARUS' pada syarak iaitu sesuatu perkara itu boleh dibuat dan boleh ditinggalkan seperti makan, tidur, dan sebagainya dan pada orang sekarang erti 'HARUS' itu mereka ertikan

'Mesti', dan 'Perlu' (pilot Fardhu), mereka ertikan mustahak tiada mesti, padahal erti 'FARDU' dan 'WAJIB', adalah makna keduanya satu jua pada syarak, jadi perkataan 'WAJIB', 'HARUS' dan Perlu (pilot Fardhu) ada beza di antara kata-kata orang sekarang dari kata syarak, hendaklah ingat supaya tiada terkeliru dan tiada salah tujuan.

9) Pandangan laki-laki kepada laki-laki dengan tiada syawak adalah halal melainkan pandangan di antara pusat dan lutut adalah haram.

10) Pandangan perempuan kepada perempuan hukumnya seperti hukuman pandangan laki-laki kepada laki-laki.

11) Pandangan perempuan kepada badan laki-laki hukumnya menurut Al-Assah seperti pandangan laki-laki kepada perempuan.

12) Pandangan perempuan kepada mahramnya, hukumnya seperti pandangan mahramnya kepada

perempuan mahram, maka boleh dipandang selain anggota yang ada di antara pusat dan dua lutut.

13) Pandangan ipar laki-laki kepada ipar perempuan dan ibu saudara isteri, hukumnya adalah sebagai pandangan laki-laki asing kepada perempuan asing, kerana ipar perempuan yakni saudara perempuan kepada isteri dan ibu saudara kepada isteri adalah mahram sementara bukan mahram selamanya.

14) Pandangan perempuan kafir akan perempuan Islam, maka harus dan boleh bagi perempuan kafir melihat akan perempuan Islam mana-mana anggota yang nampak ketika perempuan Islam itu membuat kerja-kerja biasa di rumah, tiada boleh perempuan kafir melihat anggota yang lain dari yang nampak ketika perempuan Islam menjalankan kerja-kerja biasa di rumah.

15) Haram laki-laki asing menyentuh akan perempuan asing itu, melainkan

ketika mengubat itu pun sekadar hajat dan sekadar yang mustahak sahaja bagaimana telah lalu sebutannya.

16) Tiap-tiap suku-suku badan yang haram dilihat ketika suku-suku badan itu masih bersambung dengan badan, maka haram juga melihat suku-suku itu ketika suku-suku itu telah bercerai dari badan seperti bulu ari-ari, sekalipun bulu ari-ari itu daripada laki-laki, dan potongan kuku perempuan yang merdeka (bukan hamba) sekalipun potongan kuku dari kedua tangan perempuan yang merdeka itu (menurut suatu kaul), dan seperti bulu itu ialah darah dan kuku yang bercerai dan tiadalah haram melihat air kencing dan susu dan mani dan air liur yang telah bercerai.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)



PEGAWAI PERHUBUNGAN KE JEDDAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan seramai enam orang Pegawai Perhubungan Haji Brunei 1984/1404 telah berlepas ke Kuala Lumpur dalam perjalanan ke Jeddah pada 19 Julai lepas.

Mereka ialah Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah selaku ketua rombongan, Awang Haji Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Pg. Haji Ahmad bin Pg. Md. Yusof, Awang Haji Mohd Hassan bin Haji Timbang dan Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Simpol.

Semasa di Kuala Lumpur, Pegawai-Pegawai

Perhubungan Haji Brunei itu telah mengadakan rundingan dengan pihak Syarikat Penerbangan MAS berhubung dengan jenis makanan yang dihidangkan kepada jemaah haji Brunei dan tentang jaminan kehalalan makanan tersebut. Dalam perundingan itu Brunei telah diketuai oleh Awang Haji Abu Bakar sementara Syarikat Penerbangan MAS telah diketuai oleh Pengurus Perkhidmatan Penerbangan itu, Tuan Haji Mat Sah bin Talib. Kedua belah pihak telah mendapat kata sepakat dalam rundingan itu. (gambar atas).

Semasa di sana juga mereka telah berkesempatan menyaksikan sendiri tempat proses penyediaan makanan MAS (gambar bawah). Mereka bertolak ke Jeddah pada 21 Julai 1984.



BANDAR SERI BEGAWAN.

— Satu majlis pengislaman bagi Dayang Request Anak Husing, seorang gadis Bidayuh telah dilangsungkan di rumah Awang Haji Mohd Salleh bin Mohd Daud bertempat di Kampong Kumbang Pasang pada 12 Julai yang lalu. Pengislaman beliau telah disempurnakan di hadapan Yang Mulia Dayang Hajjah Salmah binte Haji Abd Ghani, seorang Guru Agama di Jabatan Hal Ehwal Ugama. Dayang Request sekarang dikenali sebagai Dayang Azizah binte Abdullah.

Sementara itu pada 13 Julai, bertempat di Daerah Tutong telah dilangsungkan juga majlis pengislaman bagi Dayang Rosnah binte Pigang di rumah Awang Bintang bin Jumat, di Kampong Keriam Tutong.

Dayang Rosnah berusia 18 tahun, berasal dari Kampong Bukit dan telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Hajjah Salmah binte Haji Abd Ghani. Kini beliau dikenali sebagai Dayang Rosnah binte Abdullah.

Majlis pada malam itu

Gadis Bidayuh dan Dusun memeluk Islam

telah diisikan dengan ceramah khas yang telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Kamis, Pembantu Kanan Perkembangan Ugama, Pejabat Ugama Tutong. Ianya

juga telah diserikan dengan Zikir Marhaban dan telah dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Daerah Tutong dan Pegawai-Pegawai Ugama daerah tersebut.



DAYANG Azizah bte Abdullah.....dari sinilah bermulanya hidup baru sebagai seorang Islam. Manakala bawah Dayang Rosnah sedang melafazkan ikrar Islamnya di satu majlis yang permai — Gambar oleh: Haji Mohammad Metassan dan Maidin bin Jaya.



MARILAH kita bertakwa kepada Allah, dengan takwa yang sebenar-benarnya, kerana takwa itulah satu-satunya bekal yang paling baik dan bernilai untuk dibawa ke akhirat. Adapun semua harta dunia, emas perak, kerbau lembu, ladang dan sawah dan sebagainya, semuanya itu tidak akan dibawa menjadi bekal kita, melainkan hanya amal salih dan takwa sahaja yang diakui menjadi bekal itu. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 197 yang tafsirnya, 'Dan carilah bekal, kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu (bagi menuju akhirat) ialah ketakwaan kepada Allah, maka bertakwalah kamu semua kepada Aku, wahai orang-orang yang berfikir.''

TIDAK BERHENTI

Satu dari cara-cara bertakwa itu, ialah kekal di dalam amal salih dan ketataan, berlumba-lumba memperbanyakkannya, dengan tidak jemu dan bosan, tidak berhenti, tidak puas-puas terus beramal dan beramal. Kerana berlumba dalam perkara kebajikan itu disuruh dan digalakkan oleh Allah, sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Baqarah ayat 148 yang tafsirnya:

'Dan bagi tiap-tiap orang itu ada matalamatnya (atau lapangnya mencari kebajikan). Maka dari itu berlumba-lumbalah kamu semua untuk mengerjakan kebajikan-kebajikan itu.'

Tetapi dalam pada itu, orang-orang Islam yang berlumba-lumba mengerjakan kebajikan dan berbuat takwa itu, hendaklah mengawal hati jangan sampai diresapi godaan syaitan. Syaitan akan sentiasa berusaha menyuruh kita ria, takbur dan sombong dengan amal itu. Ingatlah, bahawa sesuatu amalan, bagaimanapun bagus dan baiknya, jika disertai niat yang tidak ikhlas kerana Allah Taala, seperti ria atau sombong, maka hancur dan lenyaplah semua pahala amalan tersebut. Firman Allah dalam surah Hud ayat 16 tafsirnya,

'Mereka yang sedemikian itu, yakni yang mencari kepentingan hidup duniawi seperti beramal dengan tidak ikhlas kerana Allah, nanti mereka itu di akhirat tidak

akan mendapat apa-apa, kecuali neraka. Hancur segala pahala apa yang mereka buat serta batal apa-apa yang mereka usahakan itu.'

MEMBUAT KHAIRAT

Sekarang marilah kita ketahui sedikit di manakah tempat-tempat melakukan amal salih atau kebajikan itu? Adakah ia terkhas di masjid sahaja? Atau di surau sahaja? Atau di Musalla sahaja? Jawabnya bukan begitu, tetapi di mana jua kita berada; di pasar atau di sawah ladang, pejabat, di rumah atau di lain-lain lagi. Contoh membuat Khairat atau kebajikan di dalam pasar umpamanya, ialah semasa berjual beli kita melaksanakan amanah dan kejujuran sama ada penjual atau pembeli sama-sama amanah, tidak

menipu dan curang. Bagi si penjual, timbangan dan sukatan diluruskan, harga berpatutan, jauh dari bersumpah, lebih-lebih lagi sumpahan palsu. Sementara di pihak pembeli pula, harga ditunaikan dengan sempurna. Maka perkara muamalat seperti ini juga dinamakan ia khairat, yakni amal kebajikan yang disukai oleh Allah. Sabda Nabi Salallahu Alaihi Wassalam riwayat At-Tarmizi dan Al-Hakim lebih kurang maksudnya,

'Peniaga yang benar katanya, serta dapat dipercayai itu, (di akhirat kelak) bersama-sama dengan para Nabi, orang-orang syadikin dan orang-orang yang mati syahid.'

Sebaliknya saudagar-saudagar yang curang,

peniaga-peniaga yang tidak amanah, yang hanya tahu mengaut keuntungan untuk dirinya dan menyakiti orang lain, maka saudagar-saudagar atau peniaga-peniaga seperti ini diancam oleh Allah dengan siksa di hari akhirat kelak, walaupun andainya mereka itu terlepas ketika di dunia ini. Firman Allah Taala dalam Surah Al-Munafiqin ayat 1 hingga 5, tafsirnya,

'Dan celakalah (akan masuk neraka wail) orang yang mengurangkan timbangan, ukuran dan sebagainya, iaitu orang-orang yang menerima tukaran dari orang lain, meminta yang patut dan tepat, tetapi ketika dia sendiri menimbang atau mengukur untuk orang lain, lalu mengurangkan dari semestinya. Apakah orang-

Ingatlah, bahawa sesuatu amalan, bagaimanapun bagus dan baiknya jika disertai niat yang tidak ikhlas kerana Allah Taala, seperti ria atau sombong, maka hancur dan lenyaplah semua pahala amalan tersebut.


orang semacam itu tidak mengira bahawa mereka akan dibangkitkan dari kubur? Iaitu besuk pada hari yang amat besar kesukarannya, hari yang seluruh manusia sama mengadap ke hadirat Allah seru sekalian alam.'

TIDAK TERHITUNG

Dapatlah ditegaskan di sini, bahawa lapangan untuk melakukan khairat atau kebajikan itu sangatlah banyaknya, seperti umpama udara yang dapat dihirup di mana-mana sahaja. Kerana itu, berbahagialah orang-orang yang sentiasa menggunakan peluang hidupnya untuk menambah dan berlumba memperbanyakkan lagi amal-amal khairatnya, asal sahaja tidak disertai oleh ria dan sombong. Demikian pula sebaliknya, jalan dan

lapangan kepada munkarat itu tidak terhitung banyaknya, kadang-kadang ia lebih enak dan lebih licin dilalui dari jalan-jalan kebajikan itu sendiri. Bertepatan dengan maksud hadis Nabi Salallahu Alaihi Wassalam bahawa syurga itu dikelilingi oleh berbagai hal yang tidak disukai, sedangkan neraka pula dikelilingi oleh berbagai-bagai hal yang digemari, yakni tuntutan-tuntutan syahwat dan hawa nafsu yang dengan mudah membawa orang kepada dosa dan maksiat.

Mudah-mudahan umt Islam sentiasa diberi petunjuk dan hidayah sehingga dapat membezakan mana yang hak dan yang batil, dapat dengan betul menuju mana jalan kebajikan dan mana pula jalan sesat dan munkarat itu.



MENYEDIAKAN BEKAL UNTUK KE AKHIRAT

Pembentukan sosial dalam Islam

UGAMA Islam adalah ugama sosial, ugama yang menginginkan supaya pemeluk-pemeluknya sentiasa saling kenal-mengenal antara satu sama lain, saling bersua muka, bertanyakan khabar berita, untuk menimbulkan rasa Taaluf atau rasa kasih bersama.

Mulai daripada masyarakat lorong dan kampung sampai ke masyarakat bandar, bahkan masyarakat dunia Islam, telah mendapat suruhan atau galakan supaya mereka ini berkumpul beramai-ramai berjemah dalam melaksanakan ibadah-ibadat tertentu, demi untuk membuktikan bahawa semua orang Islam itu adalah bersaudara, saling kasih-mengasihi, tidak kira pangkat dan kedudukan.

Masyarakat Islam yang diam di kampung-kampung atau lorong, di suruh, dianjurkan oleh Islam supaya mereka itu paling sedikit lima kali dalam sehari semalam, mereka harus berkumpul dalam melaksanakan sembahyang fardu yang lima. Iaitu dengan berjemah di rumah-rumah atau di balai-balai ibadah.

Masyarakat kampung, bandar dan masyarakat

negeri pula, satu kali dalam seminggu, mereka dimestikan bertemu dan berkumpul, iaitu pada hari Jumaat dalam jangka melaksanakan ibadah sembahyang Fardu Jumaat di masjid-masjid.

Kemudian lingkungan masyarakat Islam yang paling luas lagi iaitu masyarakat dunia Islam disyariatkan oleh Islam, supaya berhimpun setiap tahun bagi mereka yang berkeupayaan iaitu di tanah suci dalam melaksanakan ibadah fardu Haji.

Berkeinginan dengan haji ini misalnya, ugama Islam telah mewajibkan kepada setiap orang Islam yang akil baligh menunaikan ibadah haji sekali dalam seumur hidup dan ianya telah dijadikan sebagai rukun atau tiang ugama Islam, ertinya belum sempurna Islam seseorang itu selama ia belum berhaji jikalau ia telah berkesanggupan melaksanakannya.

Maka pada bulan Zulhijjah, khususnya pada 9 Zulhijjah setiap tahun, berkumpul umat Islam di padang Arafah, yang datang dari berbagai pelusuk dunia, terdiri dari beraneka warna kulit dan rupa, dengan pakaian seragam yang bersih suci,

bersatu hati memuja kebesaran Allah Taala yang kekal abadi.

Susah senang, dugaan dan cabaran mereka rasai dan mereka hadapi dengan hati terbuka dan damai. Tingkah laku suku bangsa, adap dan sopan-santun serta adat istiadat yang berlainan mereka lihat dan pelajari.

Setelah selesai menunaikan fardu haji mereka akan kembali ke kampung dan negeri masing-masing dengan berbekalkan beraneka pengalaman dan hikmah-hikmah haji.

Setelah bersua dengan sahabat handai dan keluarga, mereka akan menceritakan segala sesuatu

yang patut mereka rasa untuk diceritakan.

Ada yang bercerita bahawa ia telah berkenalan dengan orang Afrika, orang Arab, bangsa kulit hitam telah membantunya, menolongnya ketika tawaf ada juga yang menolaknya barangkali kerana tiada sengkaja, ada juga jemaah haji bertanya mengenai negara masing-masing dan mempelawanya untuk saling berhubungan melalui surat. Banyak lagi yang mereka ceritakan.

Memanglah haji itu, kalau kita perhatikan dan kita fikirkan, di samping ianya sebagai ibadah sebagai suatu peribadi

kepada Allah Taala sangat banyak mengandungi unsur-unsur sosial yang membawa banyak manfaat kepada seluruh umat Islam, khasnya kepada mereka menunaikan haji.

Justeru kerana itulah kita letakkan bahawa ugama kita, ugama Islam itu adalah ugama kebajikan, ugama yang membentuk masyarakat yang saling kenal-mengenal, saling hormat-menghormati serta saling kasih-mengasihi. Akan tetapi semua ini tidak akan tercapai, semua ini tidak akan kita rasai, tidak akan kita lihat, selama kita tidak mempraktikkan apa yang disuruh dan digalakkan oleh Islam itu sendiri.

Menuju keredaan Allah

Oleh yang demikian marilah kita menceburkan diri dalam jemaah-jemaah masyarakat Islam seperti dalam jemaah-jemaah sembahyang lima waktu, dalam jemaah-jemaah kebajikan seperti membantu anak yatim dan tidak juga kurang pentingnya mengikis dari hati sifat rasa merendah-rendahkan diri orang lain.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 8 Ogos, 1984 hingga ke hari Selasa 14 Ogos, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
8-10	12.30	3.47	3.48	6.38	6.39	7.49	7.50	4.57	4.43	4.58	6.15	6.16
11-14	12.29	3.46	3.47	6.37	6.38	7.49	7.49	4.57	4.43	4.58	6.15	6.16

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

KEPUTUSAN TEMASYA LUMBA PERAHU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Temasya Lumba Perahu dan Motorsangkut sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun telah berlangsung di Sungai Brunei pada hari Ahad 29 Julai lepas.

Sebanyak 13 acara telah dipertandingkan di temasya yang berjalan dari pagi hingga ke petang itu yang mana pada keseluruhannya, Haji Laidin dan Anak-anak Buahnya telah menguasai

hampir semua acara perlumbaan.

Dalam acara lumba perahu 20 orang terbuka, tempat pertama telah dimenangi oleh perahu 'Pelanduk Melompat', 'Anak Kucing Hitam' mendapat tempat kedua; dan tempat ketiga pula dimenangi oleh 'Geruda Terbang'. Ketiga-tiganya dipunyai oleh Haji Laidin dan Anak-anak Buahnya.

Dalam acara lumba 15 orang terbuka kepada penuntut-penuntut dan pertubuhan-pertubuhan belia, Kelab Bolasepak Kota Ranger mendapat tempat pertama dengan perahu 'Singa Terbang'; Kelab Bolasepak Kota di tempat kedua dengan perahu 'Harimau Berbelang Kuning'; dan di tempat ketiga diduduki oleh Kelab Bolasepak Seri Bolklah dengan perahu 'Anak Kucing Hitam'.

Manakala dalam perlumbaan terbuka menggunakan enjin tidak lebih dari 25 kuasa kuda, 'Boneka' kepunyaan Awang Haji Md. Daud bin Haji Besar telah memenangi tempat pertama diikuti oleh 'No 518 Team Mercury' kepunyaan Awang Jamil bin Haji Abd. Hamid; dan di tempat ketiga diduduki oleh 'RX 7' kepunyaan Awang Wahid bin Haji Jaluddin.

Dalam acara keempat, lumba perahu terbuka sepuluh orang, sekali lagi Haji

Laidin dan Anak-anak Buahnya telah memenangi tempat pertama dan kedua dengan perahu-perahu 'Harimau Berbelang Kuning' dan 'Lancang Kuning'. Tempat ketiga dimenangi oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dengan perahu 'Jiwa Islam'.

Dalam lumba perahu 15 orang bagi jabatan-jabatan Kerajaan Jerudong Park telah memenangi tempat pertama; Jabatan Bomba tempat kedua dengan 'Singa Terbang'; dan tempat ketiga dimenangi oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Di acara lumba 25 orang terbuka, sekali lagi Haji Laidin dan Anak-anak Buahnya memenangi tempat pertama dengan perahu 'Geruda Terbang'; diikuti oleh 'Tembuakar' kepunyaan Jerudong Park; dan di tempat ketiga ialah 'Udang Melompat' kepunyaan Leftenan Ahmad yang dikayuhkan oleh Tentera Laut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

'Sinar Suci' kepunyaan Jabatan Hal Ehwal Ugama mendapat tempat pertama di acara lumba 15 orang bagi orang-orang kenamaan; 'Brunei-Muara' kepunyaan Pejabat Daerah Brunei-Muara mendapat tempat kedua; dan pasukan Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan mendapat tempat ketiga

dengan perahu 'Naga Cantik'.

Di acara kelapan, lumba 15 orang terbuka, 'Datu Penghulu' kepunyaan Jabatan Jerudong Park mendapat tempat pertama; 'Singa Terbang' kepunyaan Haji Laidin dan Anak-anak Buahnya mendapat tempat kedua; dan tempat ketiga dimenangi oleh Jabatan Kerja Raya.

'Api-Api' yang dikayuhkan oleh Jabatan Bomba, dalam acara lumba 15 orang bagi perkhidmatan-perkhidmatan Beruniform telah menduduki tempat pertama; RHQ 'Bulan Purnama' dari Markas Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mendapat tempat kedua; dan 'Dewa Perwira' dari Battalion Kedua AMDB menduduki tempat ketiga.

Dalam acara kesepuluh lumba terbuka lapan orang, Haji Laidin dan Anak-anak Buahnya telah mendapat tempat pertama dan kedua melalui perahu 'Harimau Puteh' dan 'Lancang Kuning'; tempat ketiga pula dimenangi oleh Jabatan Kerja Raya.

Dalam acara lumba terbuka memakai enjin 45 kuasa kuda, 'Seri Perawan' kepunyaan Haji Johara bin Haji Daud mendapat tempat pertama, 'Seri Gading' Awang Bakar bin Haji Metussin mendapat tempat kedua; dan 'Tumi 123' kepunyaan Haji Aliuddin bin Haji Ibrahim menduduki tempat ketiga.

Dalam acara lumba 12 orang terbuka kepada dewan-dewan perniagaan, Sheraton Utama mendapat pertama dengan mengayuhkan 'Naga Laut' yang dipunyai oleh Jabatan Laut; World Wide Helicopter mendapat tempat kedua; dan Brunei Hash House Harrisons di tempat ketiga.

Di acara kemuncak, lumba perahu 30 orang terbuka, Haji Laidin dan Anak-anak Buahnya menduduki tempat pertama dan kedua melalui perahu 'Bahtera Haji Laidin' dan 'Pelanduk Melompat'. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Jabatan Jerudong Park dengan perahu 'Pengiran Ratna Indera'.

Hadiah-hadiah kemenangan di akhir temasya telah disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan.



AWANG Haji Alidin bin Haji Laidin, bagi pihak pasukan Haji Laidin dan Anak-anak Buahnya sedang menerima hadiah kemenangan yang disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-undang merangkap Menteri Perhubungan.

Pegawai Laut ikuti kursus di Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai Jabatan Laut kini berada di Singapura untuk mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan dalam bidang Practical Ships Pilotage Observation Attachment Programme yang bermula dari 6 hingga 31 Ogos 1984.

Mereka ialah Pengiran Ahmad bin Pengiran Hashim, Jurupandu Kapal dan Awang Yahya bin Budin, Serang Tingkatan Khas. Inilah kali kedua Pegawai-pegawai Jabatan Laut dihantar untuk mengikuti latihan.

Langkah PAMA patut diambil contoh

SERIA. — Lain-lain syarikat perniagaan diharap mengambil contoh usaha PAMA pada membantu orang-orang yang kurang bernasib baik di negara ini.

Langkah yang dibuat oleh setiap syarikat perniagaan pada membantu mereka ini akan membuktikan ingatan baik setiap peniaga terhadap tanggungjawab mereka kepada orang-orang yang kurang bernasib baik.

Pemborong Ahmad Mokti dan Anak-anak (PAMA) untuk kali ketiganya, baru-baru ini telah mengadakan Pameran Permaidani dan Pertukangan Tangan, yang sebahagiannya bertujuan untuk kerja amal. Sebahagian dari hasil jualan pameran tersebut akan didermakan kepada Lembaga Tabung Anak-anak Yatim Daerah Belait.

Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Alihassan bin Pengiran DSLJ Haji Abbas, ketika merasmikan pameran itu di Dewan Kemasyarakatan di sini memberikan setinggi penghargaan kepada PAMA atas langkah yang berkebaikan itu.

"Saya penuh berharap supaya usaha sedemikian akan diikuti dan dicontohi oleh lain-lain syarikat perniagaan dalam memberikan bantuan kepada orang-orang yang kurang bernasib baik," tambah beliau.

Menyentuh mengenai sokongan orang ramai terhadap tabung tersebut,

Pengiran Alihassan yang juga selaku Pengerusi Lembaga Tabung Daerah itu memberitahu bahawa ianya sangat memberangsangkan, yang mana kutipan tabung itu sebelum menjelang Hari Raya, dua bulan lalu, telah mencapai ke jumlah \$20,000.00.

Kutipan tersebut, tambah beliau lagi, telah membolehkan Lembaga tersebut mengeluarkan derma dan mengadakan Jamuan Hari Raya untuk anak-anak yatim di daerah tersebut.

Pameran perniagaan anjuran PAMA telah pernah diadakan pertama kalinya di Berakas Garisen dan kali kedua di Padang Polo

Jerudong. Pameran serupa telah diadakan di sini pada 29 Julai lalu diselenggarakan dengan doa selamat sempena Hari Puja Usia ke-38, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Dua penyampaian derma telah diadakan di majlis perasmian pameran. Derma sebanyak \$1,200.00 telah disampaikan oleh Awg. Md. Ashraf Haji Abd. Rahman, seorang partner pemborong, kepada Pengerusi Tabung, Pengiran Alihassan, manakala satu derma lagi disampaikan kepada Awang Ismail bin Apong, bagi Tabung Orang-orang Cacat Daerah Belait.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Pengiran Alihassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Pengiran Haji Abbas menyaksikan pameran setelah majlis perasmian.

Peperiksaan City & Guilds

BERAKAS. — Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pelajaran kini sedang membuat persediaan untuk mengadakan peperiksaan City and Guilds of London Institute dalam berbagai mata pelajaran dalam bulan Disember 1984 di negara ini.

Calon-calon sekolah bolehlah mendapatkan borang-borang permohonan dari Pengetua-pengetua Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolklah, Kuala Belait dan Ketua Latihan Teknikal Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Seria sementara calon-calon persendirian boleh memperolehnya dari Lembaga Peperiksaan, Kompleks Lapangan Terbang Lama Berakas.

Borang-borang permohonan yang telah diisi dan surat-surat kebenaran dari City and Guilds of London Institute jika ada hendaklah sampai ke Pejabat Lembaga tersebut tidak lewat dari 30 Ogos 1984 manakala bayaran-

Derma kebakaran

TEMBURONG. — Seorang mangsa kebakaran di Kampong Rataie, Awang Saman bin Abdul Rahman telah menerima sekeping cek berjumlah \$415 derma daripada Guru-guru, Kakitangan dan Murid-Murid Sekolah Melayu/SPI Bokok.

Derma tersebut disampaikan oleh Penghulu Mukim Bokok, Awang Salleh bin Bungsu di satu majlis yang diadakan di Sekolah Melayu /SPI Bokok pada hari Isnin lalu.

bayaran peperiksaan bolehlah dibayar secara tunai atau melalui cek dan dibayar kepada Lembaga Peperiksaan, Berakas.



Dayang Zubaidah

Pegawai Penerangan ikuti kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai Penerangan dan seorang Pemberita Jabatan Penerangan telah berlepas minggu lalu untuk mengikuti kursus di seberang laut.

Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Safar dan Awang Momin bin Ahmad keduanya Pegawai Penerangan akan mengikuti penempatan sambil belajar di Kementerian Penerangan Malaysia Kuala Lumpur selama lebih kurang tiga minggu yang bermula pada 6 Ogos.

Sementara itu Dayang Zubaidah binte Haji Salit, Pemberita Akhbar Pelita Brunei mengikuti kursus pemberita di Akhbar Berita Harian Singapura selama lapan minggu yang bermula pada 1 Ogos lepas.

Pusat Sejarah pindah

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Pusat Sejarah telah pun berpindah ke bangunan lama Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan.

Semua persuratan dan perhubungan yang hendak ditujukan kepada jabatan berkenaan bolehlah dihantar ke bangunan tersebut.

Berhubung dengan ini Pengetua Pusat Sejarah juga berharap akan mendapat kerjasama daripada orang ramai dalam meningkatkan lagi pengkajian sejarah dan pengumpulan bahan-bahan sejarah di negara ini di mana sesiapa yang memiliki bahan-bahan sejarah tersebut seperti gambar-gambar lama, manuskrip-manuskrip lama atau buku-buku lama dan bahan-bahan sejarah yang lain akan dapat dihantar kepada jabatan tersebut supaya dapat disalin atau diserahkan bagi penyimpanan.

SENARAI NAMA BAKAL-HAJI

PENERBANGAN KETIGA (PADA 13 OGOS 1984)

Haji Hitam bin Mohd Ma'un bin Abdullah, Mr Sukaimi bin Perjo bin R. Djo-intono, Haji Mohd Yusoff bin Abd Rahim bin Ajak, Dy Hajjah Rukam bt Kasim bin Haji Metussin, Mr Ibrahim bin Haji Mohd Yusoff bin Abd Rahim, Abd Gani bin Mohammad Yusoff bin Abd Rahim, Mr Zaimin bin Haji Othman bin Kula, Hajjah Mahal binti Haji Sabtu bin Malek, Mdm Hajjah binti Haji Badar bin Haji Rabaha, Mr Jaludin bin Haji Tamit bin Kadir.

Haji Tamit bin Kadir bin Untong, Mdm Liah binti Untong bin Sukor, Haji Ariffin bin Abdullah bin Mohammad, Dy Asiah binti Rimba bin Panoor, Mdm Zauyah @ Nauyah binti Abd Ghani bin Othman, Awg Sudin bin Taha bin Mohong, Mdm Aminah binti Buntar bin Daud, Master Dahlan bin Sudin bin Taha, Master Shyahrin bin Awang Sudin bin Taha, Haji Damit bin Haji Salleh bin Haji Bakir.

Hajjah Hasnah bt Gunong bin Haji Duraman, Haji Harun bin Haji Damit bin Haji Salleh, Dayang Salasih bte Haji Damit bin Haji Salleh, Hajjah Rosiah binti Haji Damit bin Haji Salleh, Awg Kamar bin Haji Salleh bin Haji Bakir, Dy Damit binti Kahar bin Damong Lingas, Awg Ismail bin Ohsali bin Mohammad, Suhaili bin Mohammad bin Mahbut, Haji Salleh bin Haji Jumat bin Amat, Miss Halimah binti Haji Salleh bin Haji Jumat.

Mr Mohammad bin Md Daud bin Abu Bakar, Mdm Bidah binti Haji Juma bin Lama, Mr Minudin bin Matamin bin Said, Haji Jaidin bin Haji Kahar bin Gapor, Mr Tuah bin Momin bin Tarsil, Haji Ahmad bin Tarsil bin Gampar, Sura binti Matussin bin Larai, Awg bin Said bin Timbang, Haji Suana bin Bungsu bin Haji Husin, Mdm Alimah binti Haji Sapor bin Duraman.

Master Aliuddin bin Haji Suana bin Bungsu, Mr Dullah bin Hj Suana bin Bungsu, Miss Siti Azar binti Haji Suana bin Bungsu, Lamit bin Hj Gunchang bin Hj Idris, Alimah binti Hj Aji bin Md Said, Mr Ibrahim bin Dullah bin Haji Ibrahim, Mdm Feti-mah bt Haji Kunchang bin Idris, Master Muhin bin Ibrahim bin Dullah, Emran bin Haji Kunchang bin Haji Idris, Awang Bini bin Md Salleh bin Dullah.

